



**UCAPAN PERASMIAN
MAJLIS PELANCARAN *MySIGN*:
KURSUS BAHASA ISYARAT MALAYSIA**

**OLEH:
YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**SIARAN LANGSUNG MENERUSI FACEBOOK
10.00 PAGI
23 FEBRUARI 2021 (SELASA)**

FACEBOOK @Institut Sosial Malaysia

PENDAHULUAN

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, dengan izin Allah s.w.t kita dapat bertemu secara maya pada pagi yang indah ini. Sebelum bibir mengukir kata, sebelum kata membabit bicara, izinkan saya terlebih dahulu menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan segala limpah kurnia-Nya, Majlis Pelancaran *MySign*, Kursus Bahasa Isyarat Malaysia dapat jua disempurnakan pada hari ini 23 Februari 2021 bersamaan 11 Rejab 1442 Hijrah.

2. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Institut Sosial Malaysia atas inisiatif melaksanakan **Program MySign, Kursus Bahasa Isyarat Malaysia** yang akan bermula pada hari ini. Saya difahamkan ini merupakan **inisiatif pertama oleh ISM** dalam menganjurkan kursus seumpama ini **secara dalam talian**, selari dengan amalan norma baharu.

PENGHARGAAN

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

3. Terima kasih dan tahniah juga kepada para peserta di atas penglibatan anda dalam menyertai kursus pada kali ini. Saya difahamkan jumlah penyertaan bagi kursus yang dilaksanakan secara dalam talian pada kali ini amat menggalakkan jika dibandingkan dengan sewaktu Kursus Bahasa Isyarat dilaksanakan secara bersemuka sejak tahun 2006. Seramai **150 orang peserta** yang terdiri daripada pelbagai sektor

awam dan swasta akan mengikuti kursus ini **secara dalam talian** dan kesemua mereka akan **berkursus secara serentak**.

Kebiasaannya jumlah peserta bagi kursus sebegini hanyalah seramai anggaran 30 ke 40 orang sahaja. Inilah salah satu kelebihan melaksanakan kursus secara dalam talian, ia dapat menarik lebih ramai peserta untuk menyertainya.

4. Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada pihak **Persekutuan Orang Pekak Malaysia** atau *Malaysia Federation of the Deaf*, MFD atas **sumbangan kepakaran kepada ISM** dalam menjayakan kursus ini. MFD sebagaimana kita sedia maklum adalah organisasi peringkat kebangsaan yang mewakili suara-suara OKU Pendengaran di Malaysia. MFD bukan sahaja menyediakan Kelas Bahasa Isyarat kepada mereka yang berminat, malah mengeluarkan sijil secara asas, pertengahan dan lanjutan bagi mereka yang memenuhi syarat dan kriteria yang diperlukan sebagai jurubahasa isyarat, di samping membangunkan kurikulum, silibus dan modul kelas bahasa isyarat di Malaysia.

5. Justeru, hubungan kerjasama yang terjalin antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat **atau singkatannya KPWKM** melalui agensi seperti ISM dengan MFD ini diharapkan akan dapat menggiatkan lagi usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai kepentingan bahasa isyarat. Hal ini penting untuk menambahbaik medium komunikasi yang digunakan supaya maklumat dapat disampaikan kepada semua golongan terutamanya Orang Kurang Upaya, O.K.U pendengaran.

PROGRAM MySign: Kursus Bahasa Isyarat Malaysia

Tuan/ Puan yang dihormati sekalian,

6. **Program MySign**, Kursus Bahasa Isyarat Malaysia ini merupakan latihan **pembangunan kapasiti sosial** yang bertujuan **memberi latihan dan panduan asas tentang cara-cara menggunakan bahasa isyarat**. Peserta yang menerima latihan ini diharapkan mampu **menjadi agen perubahan atau *Change Agent*** bagi mewujudkan persekitaran dan masyarakat yang lebih inklusif terutamanya bagi golongan OKU pendengaran. ISM juga akan terus menganjurkan program ini pada tahun-tahun akan datang dan kaedah pelaksanaannya akan bergantung kepada keadaan semasa yang bersesuaian. Saya menyeru kepada semua pihak supaya lebih terpenggil untuk menyertai program ini pada masa akan datang. Sektor awam mahupun swasta, syarikat-syarikat korporat, badan-badan bukan kerajaan dan mana-mana pihak boleh menghantar ahli organisasi anda untuk menyertai kursus ini.

7. Kita perlu sama-sama hindari tanggapan bahawa keperluan mempelajari bahasa isyarat ini terhad kepada golongan OKU Pendengaran serta ahli keluarga mereka sahaja. Negara kita sedang menuju ke arah inklusiviti. Semua golongan diambil kira dan kita tidak mahu sesiapa pun dipinggirkan.

8. Buat masa ini, KPWKM sedang dalam usaha melihat pilihan-pilihan yang ada untuk menaiktaraf bidang jurubahasa isyarat dan mengiktiraf kepentingan mereka bermula di sektor awam. Saya juga dengan ini turut menggesa agar semua warga KPWKM serta agensi-agensi di bawahnya untuk menyahut seruan ini dengan mendapatkan pendedahan sekurang-

kurangnya belajar asas komunikasi bahasa isyarat. Klien yang hadir ke KPWKM dan agensi adalah termasuk OKU pendengaran dan pertuturan, oleh yang demikian pengetahuan serta kemahiran berbahasa isyarat ini merupakan nilai tambah yang sewajarnya ada untuk kita menyantuni semua golongan masyarakat di negara ini

HARAPAN

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

9. Rekod kini menunjukkan terdapat seramai **95 orang jurubahasa isyarat yang berdaftar di bawah MFD**. Jumlah ini amat **kecil jika dibandingkan dengan seramai Empat Puluh Ribu, Tiga Ratus, Lapan Puluh Sembilan OKU Pendengaran yang berdaftar** dengan JKM sehingga tahun 2020. Besarlah harapan saya untuk melihat lebih ramai rakyat Malaysia mampu menggunakan bahasa isyarat pada masa hadapan.

10. Saya juga berharap agar para peserta dapat memanfaatkan ilmu dan pendedahan asas yang diberikan sebagai pencetus untuk mendalami ilmu bahasa isyarat ini ke peringkat seterusnya supaya satu hari nanti lebih ramai jurubahasa isyarat dapat berkhidmat di negara kita.

11. Sekali lagi, syabas diucapkan kepada ISM atas usaha yang konsisten dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan golongan sasar KPWKM yang terdiri daripada golongan rentan. Semoga usaha ini akan diteruskan dan sentiasa ditambahbaik pada masa akan datang agar inisiatif yang dilaksanakan ini kekal relevan, lebih efisien dan lebih berkesan untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

12. Dengan lafaz; “Bismillahirrahmanirahim”, saya dengan ini merasmikan pelancaran Program *MySign, Kursus Bahasa Isyarat Malaysia* yang dianjurkan oleh Institut Sosial Malaysia bermula dari 23 Februari sehingga 27 Februari 2021.

Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih

Disediakan oleh;
Institut Sosial Malaysia